

Pekerja pertanian terdedah bahaya penyakit kronik

Berita Harian 19/05/2010 M/S 20

Bahan kimia, racun perosak, baja organik serta bunyi bising beri kesan terhadap kesihatan

Oleh Jami'ah Shukri
amia@bharian.com.my

KEMALANGAN di tempat kerja memang tidak dapat dielakkan terutama di sektor kritikal serta berisiko tinggi seperti pembuatan, pembinaan dan pertanian yang turut mengakibatkan kehilangan nyawa selain kecederaan, kecacatan kekal atau sementara.

Namun sifar kemalangan tetap menjadi sasaran kepada semua syarikat dan organisasi. Cuma bagaimana prosedur serta langkah diambil ke arah itu dilakukan secara serius oleh pihak terbabit.

Sektor kritikal yang tetap perlu liberi perhatian ialah pertanian kerana ia turut membabitkan bilangan pekerja yang ramai dan tetap relevan sebagai sektor terpenting khusus di negara membangun dari segi sumbangnya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Pada peringkat global, dianggarkan 1.3 bilion pekerja terbabit dalam bidang pertanian. Di Malaysia, kira-kira 1.5 juta orang atau 14 peratus daripada keseluruhan 11 juta jumlah tenaga kerja di seluruh negara (2008) terbabit dalam sektor



SEKTOR pertanian di negara ini menggunakan jentera moden supaya hasil diperoleh lebih cepat.



GAMBAR HIASAN

“ Hasil audit JKKP, Selangor di sebuah bengkel jentera, pada 10 Februari lalu, mendapati

itu. Dengan itu kebarangkalian kemalangan di tempat kerja tidak dapat dielakkan.

Hakikatnya, sektor pertanian dianggap tempat kerja berbahaya serta berisiko dengan mencatatkan kadar kemalangan kedua tertinggi di kalangan sektor industri. Mengikut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dianggarkan kira-kira 170,000 pekerja di sektor itu maut ketika bekerja di seluruh dunia yang menggunakan jentera dalam aktiviti.

Kajian di Amerika Syarikat beberapa tahun lalu, menunjukkan kadar kemalangan maut di sektor pertanian adalah empat hingga lima kali ganda lebih banyak berbanding sektor lain. Di Sweden, kemalangan di sektor sama pula dua kali ganda lebih tinggi daripada kemalangan di industri.

Senario di Malaysia, walaupun jumlah kemalangan maut di tempat kerja masih rendah secara relatif kepada kadar keseluruhan tenaga kerja di sektor pertanian, namun ia perlu diberi pertimbangan berat. Mengikut kes dilaporkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) iaitu sebanyak 3,255 kes pada 2007 dan 3,467 kes pada (2008) dicatatkan dalam insiden tempat kerja di sektor pertanian.

Justeru, penekanan perlu diberi sejajar Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Fasa 1 (2005-2010) yang dilancarkan, Mei tahun lalu, maka ia dianggap langkah terbaik untuk memastikan sektor itu menjadi lebih dinamik, selamat dan moden terutama dengan penstrukturan dan penggunaan teknologi moden.

Antara kajian Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia terhadap industri pengeluaran padi dan beras negara, ia dilihat agak

membayangkan. Jika ia tidak diberi perhatian, jumlah petani yang berhadapan dengan pelbagai risiko dan bahaya terhadap kesihatan mereka, akan semakin meningkat.

Dalam hal ini, Selangor yang menjadi penyumbang terbesar pengeluaran padi dan beras negara iaitu di sekitar Tanjung Karang, Pasir Panjang dan Sungai Besar seluas 19,563 hektar yang dimiliki 17,950 petani itu memperlihatkan ada trend berkenaan kerana mereka menggunakan secara meluas jentera moden.

Selain itu, ketika proses penyediaan tanah, menanam, membaja, meracun dan menuai padi, petani terdedah kepada pelbagai bahaya seperti terdedah bahan kimia, racun perosak, baja organik serta bunyi bising penggunaan jentera seperti traktor, jentuai dan bahaya biologiikal boleh memberi kesan terhadap kesihatan petani.

Kajian JKPP, di Kedah dan Selangor, mendapati traktor yang digunakan untuk membajak mengeluarkan bunyi bising sehingga 95.7 dB(A); Kuota mengeluarkan bunyi dari julat 83 dB(A) sehingga 94.5 (dB9A) bergantung kepada model jentera.

Model jentera digunakan berbeza antara M8200 dan 893ODT, mesin penyembur benih atau baja mengeluarkan bunyi 110 dB(A) dan mesin menanam padi mengeluarkan bunyi 89 dB(9A), mesin penebas jerami mengeluarkan bunyi 85 db(A) manakala jentuai 95 dB(A).

Laporan JKPP mendapati, 90 kes kehilangan pendengaran akibat kebisingan yang tinggi dilaporkan kepada Perkeso pada 2007. Malah penggunaan alat perlindungan pendengaran seperti 'earplug' dapat mengurangkan risiko hilang pendengaran akibat pendedahan secara berterusan.

INFO

Sektor pertanian

- 1.3 bilion orang di dunia terbahit sektor pertanian
- 1.5 juta rakyat Malaysia terbahit sektor pertanian
- 170,000 pekerja sektor pertanian maut di tempat kerja seluruh dunia
- 3,255 kemalangan di sektor pertanian pada 2007
- 3,467 kemalangan di sektor pertanian pada 2008

Ketua Pengarah JKPP, Datuk Dr Johari Basri, berkata dengan peningkatan penggunaan jentuai dari enam pada 2002 kepada 15 pada 2008, di Selangor serta pertambahan pengeluaran hasil padi, pihaknya bimbang trend itu akan memberi kesan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja.

Katanya, hasil audit JKPP, Selangor di sebuah bengkel jentera, pada 10 Februari lalu, mendapati semua 41 operator jentuai dan traktor tidak memakai sebarang alat penutup telinga ketika menjalankan kerja.

"Pendedahan kepada kebisingan berterusan ketika musim menuai, membaja dan aktiviti menyembur racun, kapur dan benih dalam jangka masa panjang boleh menyebabkan penyakit hilang pendengaran atau pekak.

"Tempoh menuai yang dilakukan operator adalah antara lapan hingga 12 jam sehari. Petani dan operator jentuai dan traktor bekerja sepenuh masa lebih kurang tiga bulan hingga padi habis dituai.

"Oleh itu, pendedahan kebisingan yang tinggi dalam tempoh jangka masa panjang itu tanpa alat

perlindungan pendengaran boleh meningkatkan risiko hilang pendengaran di kalangan petani di negara ini," katanya.

Pemeriksaan kesihatan dijalankan baru-baru ini terhadap 21 petani di kawasan Pasir Panjang menunjukkan, mereka mengalami masalah kulit gatal, mengelupas dan bintik merah selepas aktiviti meracun. Sebanyak 90 peratus petani mengalami sakit belakang.

Walaupun tidak ada petani yang mengalami masalah hilang pendengaran, gejala itu mungkin akan dikesan pada masa depan.

Empat faktor utama mempengaruhi kemudahan iaitu kebisingan yang tinggi daripada jentera penanaman padi, peningkatan bunyi melebihi 80 dB(A), jangka masa pendedahan yang panjang kepada kebisingan semasa menuai; dan penyediaan sawah serta kerentanan individu, iaitu dos yang sama tetapi kesan yang berbeza antara individu.

Selain itu, kesan pendedahan kepada kebisingan akan menimbulkan pelbagai masalah kesihatan seperti peningkatan pergerakan usus, tekanan darah, paras glukos darah dan paras lipid darah.

"Pendedahan berterusan juga menurunkan keupayaan melakukan sesuatu pekerjaan, menyebabkan keletihan, meningkatkan tekanan dan boleh menyumbang kepada kemalangan di tempat kerja," katanya.

Justeru, JKPP akan terus melaksanakan aktiviti penguatkuasaan keselamatan dan kesihatan di pelbagai sektor mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang diwartakan sejak 1994 sebagai langkah perlindungan kepada warga pekerja yang terbahit dalam kemalangan di tempat kerja.

semua 41 operator jentuai dan traktor tidak memakai sebarang alat penutup telinga ketika menjalankan kerja"

“ Pendedahan kepada kebisingan berterusan ketika musim menuai, membaja dan aktiviti menyembur racun, kapur dan benih dalam jangka masa panjang boleh menyebabkan penyakit hilang pendengaran atau pekak”

“ JKPP akan terus melaksanakan aktiviti penguatkuasaan keselamatan dan kesihatan di pelbagai sektor mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ”

Dr Johari Basri
Ketua Pengarah JKPP